

## Washington Irving

(1783-1859) Terkenal sebagai "tokoh sasterawan Amerika".

- "Beliau seorang yang waras dan bersederhana di dalam makan minumannya, dan amat berdisiplin dalam berpuasa. Beliau tidak bermewah dari segi pakaian, tidak bermegah-megah seperti orang yang berfikiran sempit; namun kesederhanaan berpakaian tidak diada-adakan, ia sebenarnya adalah sifatnya yang tidak mementingkan keunggulan dari sumber yang terlalu remeh. Beliau adil di dalam urusan peribadinya. Beliau berlaku adil kepada kawan dan orang yang tidak dikenali, kaya dan miskin, berkuasa dan lemah, dengan sama-rata, dan dikasihi oleh rakyat jelata kerana keramahannya apabila menerima kunjungan mereka, dan mendengar masalah mereka...Kejayannya sebagai pemimpin tentera tidak menimbulkan kebanggaan ataupun kemegahan yang sia-sia, tidak seperti pemimpin lain yang berperang untuk kepentingan diri sendiri. Sewaktu di puncak pemerintahannya, beliau tetap bersederhana di dalam tingkah laku dan penampilannya sebagaimana waktu beliau di dalam kesusahan. Beliau tidak sekali-kali berlagak seperti raja, malah beliau tidak menyukai jika tingkah laku penghormatan luar biasa diperagakan kepadanya apabila beliau memasuki sesebuah ruang."

[*Life of Mahomet*, London, 1889, ms. 192-3, 199]

\*\*\*\*\*

## Annie Besant

(1847-1933) Ahli teosofi dan pemimpin nasionalis British di India. Presiden Kongres Kebangsaan India pada 1917.

- "Adalah mustahil bagi sesiapa yang mengkaji kehidupan dan karakter seorang Nabi yang hebat dari Tanah Arab, yang tahu bagaimana beliau mendidik dan menjalani kehidupan, untuk tidak mempunyai keinginan untuk memuliakan Nabi ini, salah seorang utusan Tuhan yang termasyhur. Dan walaupun apa yang saya ajukan pada anda saya akan katakan apa yang biasa didengar oleh orang lain, saya merasakan setiap kali saya mengulang baca mengenainya, satu cara baru mengaguminya, satu penghormatan baru akan terbit untuk guru berbangsa Arab yang luar biasa hebat itu."

[*The Life And Teachings Of Muhammad*, Madras, 1932, ms. 4]

\*\*\*\*\*

## Edward Gibbon

(1737-1794) Dianggap sebagai ahli sejarah British terkenal di zamannya.

- "Daya ingatan beliau (Muhammad) amat luas dan kuat, ramah dan mesra, imajinasinya menakjubkan, pertimbangannya jelas, pantas dan tegas. Beliau mempunyai keberanian dalam pemikiran mahupun tindakan."

[*History of the Decline and Fall of the Roman Empire*, London, 1838, jilid.5, ms.335]

Untuk mengetahui tentang Nabi Muhammad (s) dan ajarannya, layari:  
<http://al-islam.org/faq/>

v1.0

*Muhammad bukanlah bapa dari seseorang di antara kamu, tetapi dia adalah Utusan Allah dan penutup para Nabi.*

(Qur'an 33:40)

**Apa yang diperkatakan oleh tokoh bukan Islam mengenai...**

# Muhammad

RASULULLAH (S.A.W.W.)

*(Solawat dan Salam ke atas Baginda dan Keluarganya)*

Satu himpunan petikan kata-kata daripada pelbagai tokoh bukan Islam yang tersohor, termasuk ahli akademik, penulis, ahli falsafah, penyair, ahli politik, dan aktivis dari Timur dan Barat. Pada pengetahuan kami tiada di antara mereka yang memeluk Islam. Kata-kata mereka mencerminkan pendapat peribadi mengenai pelbagai aspek kehidupan Rasulullah.

## Michael H. Hart

(1932-) *Profesor astronomi, fizik dan sejarah sains.*

- "Pilihan saya iaitu Muhammad untuk mengetuai senarai tokoh-tokoh dunia paling berpengaruh mungkin memeranjatkan sesetengah pembaca dan mungkin dipersoalkan oleh pihak lain, tetapi beliau adalah satu-satunya manusia dalam sejarah yang menempuh kejayaan agung di kedua-dua peringkat agama dan sekular."

[*The 100: A Ranking Of The Most Influential Persons In History*, New York, 1978, ms. 33]

★ ★ ★ ★ ★

## William Montgomery Watt

(1909-) *Profesor (Emeritus) Pengajian Bahasa Arab dan Islam di University of Edinburgh.*

- "Kesediaannya untuk menempuhi penindasan kerana agamanya, ketinggian akhlak pengikut-pengikut yang mempercayai dan memuliakannya sebagai seorang pemimpin, serta kehebatan pencapaian tertingginya – semua membahaskan integriti asasnya. Untuk mengandaikan Muhammad sebagai seorang penyamar menimbulkan lebih banyak masalah, bukan menyelesaikannya. Tambahan pula, tidak ada tokoh sejarah dunia yang tidak dihargai di dunia Barat seperti Muhammad".

[*Mohammad At Mecca*, Oxford, 1953, ms. 52]

★ ★ ★ ★ ★

## Alphonse de Lamartine

(1790-1869) *Penyair dan negarawan Perancis.*

- "Ahli falsafah, pemedato, utusan Tuhan, penggubal undang-undang, pahlawan, penakluk idea-idea, pemelihara dogma rasional, sebuah kultus tanpa berhala, pengasas dua puluh empayar fizikal dan satu empayar spiritual, itulah Muhammad. Menurut semua piawai yang digunakan untuk mengukur kehebatan manusia, kita sewajarnya bertanya, wujudkah manusia yang lebih hebat darinya?"

[Diterjemah dari *Histoire De La Turquie*, Paris, 1854, jilid. II, ms. 276-277]

★ ★ ★ ★ ★

## Reverend Bosworth Smith

(1794-1884) *Fellow Kanan di Trinity College, Oxford.*

- "... beliau adalah Caesar and Paus dalam satu; tetapi beliau adalah Paus tanpa kepura-puraan Paus, dan Caesar tanpa bala tentera Caesar. Tanpa askar tetap, tanpa pengawal peribadi, tanpa istana, tanpa pendapatan tetap, sekiranya ada manusia yang berhak menyatakan bahawa dia diperintah oleh Tuhan yang sebenar, manusia itu adalah Mohamed; kerana dia mempunyai kuasa tanpa alat perkakas dan tanpa sokongan."

[*Mohammed and Mohammedanism*, London, 1874, ms. 235]

★ ★ ★ ★ ★

## Mohandas Karamchand Gandhi

(1869-1948) *pemikir, negarawan dan pemimpin nasionalis India.*

- "...saya semakin yakin dan mempercayai bahawa bukanlah pedang yang memenangi tempat untuk Islam pada zaman itu. Sebenarnya ia adalah kesederhanaan tegar, sifat rendah hatinya, keprihatinan dan ketelitian untuk memenuhi janji-janjinya, kesetiannya kepada rakan-rakan dan pengikut-pengikutnya, kegagahannya, keberaniannya, kepercayaan yang mutlak kepada Tuhan dan dalam misinya. Ciri-ciri ini, bukan pedangnya, yang memberi mereka dorongan dalam mengatasi setiap kesulitan."

[*Young India* (terbitan berkala), 1928, Jilid X]

★ ★ ★ ★ ★

## Edward Gibbon

(1737-1794) *Dianggap sebagai ahli sejarah British terkenal di zamannya.*

- "Kejayaan terhebat dalam hidup Mohammad' berpunca dari dorongan moral yang kuat tanpa ayunan sebilah pedang."

[*History Of The Saracen Empire*, London, 1870]

★ ★ ★ ★ ★

## John William Draper

(1811-1882) *Saintis, ahli falsafah dan ahli sejarah Amerika.*

- "Empat tahun setelah kematian Justinian, 569 Tahun Masihi, telah lahir di Makkah, di Tanah Arab, seorang tokoh yang memberi pengaruh yang paling hebat ke atas seluruh umat manusia . . . Mohammed."

[*A History of the Intellectual Development of Europe*, London, 1875, jilid.1, ms. 329-330]

★ ★ ★ ★ ★

## David George Hogarth

(1862-1927) *Ahli arkeologi, penulis Inggeris, dan penjaga Muzium Ashmolean, Oxford.*

- "Tabiat sehari-hari beliau telah diperundangkan menjadi satu kanun yang diikuti dan dicontohi oleh jutaan manusia di seluruh dunia pada hari ini dengan kesedaran yang tinggi. Tidak ada sosok lain, walau dianggap sebagai pemimpin contoh untuk diikuti, pernah ditiru secara terperinci sepertinya. Tingkah laku Pengasas Kristian pun tidak ditiru sepertinya. Tambahan pula tiada tokoh selain dari Utusan Islam (Rasulullah S.A.W.W) dihormati dan dijunjung sepertinya untuk diikuti. [*Arabia*, Oxford, 1922, ms. 52]